



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Gemuk Berputik Segar Bersiram



“SEKALI air bah sekali pasir berubah; sekali musim beredar sekali resam bertukar,” menurut Tan Sri A Samad mengenai perubahan dalam kepimpinan negara sama ada yang membabitkan kerajaan mahu pun partinya Umno. Siapa sahaja tokoh yang mengambil alih pucuk pimpinan Umno, beliau tetap memberi sokongan sepenuhnya sekali pun pendekatan atau stail kepimpinan tokoh berkenaan tidak sesuai dengan jiwanya. Bukan semua stail atau pendekatan kepimpinan (Tun) Dato’ Hussein Onn atau Dato’ Seri Dr Mahathir Mohamad dipersetujuinya, tetapi beliau tetap menyokong kepimpinan mereka.

Justeru Tan Sri A Samad sering menggunakan filsafah Adat Perpatih dalam menerima kepimpinan Umno yang disebut melalui pantunnya:

*Rama-rama si kumbang jati
Khatib Tunggal pulang berkuda
Patah tumbuh hilang berganti
Pusaka tinggal pada yang muda*

Kesetiaan Tan Sri A Samad kepada pucuk pimpinan parti tidak pernah berubah semenjak menyertai Pemenas dalam tahun 1946, seterusnya diserapkan kepada Umno selepas semua badan-badan gabungan dimansuhkan bagi membolehkan Umno menerima keahlian terus (*direct membership*). Ketika Umno bergolak akibat Dato’ Onn Jaafar meninggalkan Umno, beliau mengambil keputusan kekal bersama Umno sekali pun Dato’ Onn adalah pemimpin idolanya pada masa itu.

Apabila tersebar desas desus beliau menggunakan pertubuhan Nasrul Haq sebagai platform bagi mencabar kedudukan Dr Mahathir selaku Timbalan Presiden Umno tahun 1978, beliau bersama Prof Mochtar Lintang (Penasihat Nasrul Haq) dan Haji Johannes Choeldi

(Timbalan Presiden Nasrul Haq) menemui Dr Mahathir di rumahnya secara peribadi memberi penjelasan mengenai desas desus tersebut. Sikap beliau ini menunjukkan kesetiaan kepada parti tidak boleh ditukar ganti dengan kedudukan atau jawatan tinggi.

“Apa lagi yang saya mahu dalam parti, setelah dapat menjadi menteri, sudah cukuplah dengan kejayaan itu, tak perlu lagi saya mimpikan jawatan yang lebih tinggi,” beritahu Tan Sri A Samad mengenai desas desus beliau mahu mencabar jawatan Timbalan Presiden Umno ketika itu disandang oleh Dr Mahathir setelah kedudukan pertubuhan Nasrul Haq semakin kuat. Malah tidak ada sebab beliau mahu mencabar Dr Mahathir, dalam masa kedudukan Umno stabil dan mantap. Pentadbiran Hussein Onn-Dr Mahathir juga bolehlah dianggap gandingan yang sama hebat dengan Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak atau Tun Abdul Razak-Tun Dr Ismail.

Beliau pernah membuat analisis mengenai kepimpinan Umno dalam artikelnya ‘Jangan Kerana Nyamuk Kelambu Dibakar’ (Mingguan Malaysia, 11 Mac 1986), antara lainnya menyebut:

“Stail keempat-empat Perdana Menteri dan Presiden Umno dalam memimpin kerajaan dan parti tentulah mempunyai perbezaan, namun dasar pokoknya tetaplah sama dan sehaluan. Tunku misalnya seorang yang peramah serta suka berjenaka. Sikapnya mudah membuat orang ketawa sekali pun dalam perbincangan-perbincangan yang serius ketika di Majlis Tertinggi atau pun di Perhimpunan Agung Umno.

“Sementara Tun Razak pula agak serius orangnya. Bagaimana pun beliau dapat juga membuat orang ketawa setelah ditingkah oleh ahli-ahli lain dengan kata-kata lucu. Manakala Tun Hussein Onn sikapnya agak berbeza dengan kedua-dua tokoh sebelumnya. Beliau sentiasa serius dan teliti. Stail mereka bertiga ini pula sudah tentulah tidak sama dengan Dato’ Seri Dr Mahathir. Kesian Dato’ Seri Dr Mahathir mepengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi hingga memakan masa lima jam setengah, bagi membincangkan isu perletakan jawatan Dato’ Musa, sudah tentu merupakan stail beliau.

“Dato’ Seri Dr Mahathir memberi kesempatan kepada semua anggota Majlis Tertinggi memberikan pendapat serta mengemukakan fikiran masing-masing secara terbuka. Seperti

telah saya jelaskan, keputusan Majlis Tertinggi itu adalah bijak demi perpaduan ahli-ahli Umno. Kebelakangan ini memang Umno terdesak oleh berbagai isu terutamanya menjelang pilihanraya kerana 'di mana padi rebah, di situlah tekukur meniti batang', perkara inilah yang harus disedari oleh setiap orang ahli-ahli Umno terutama pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan..."

Sebagai ahli parti yang setia, Tan Sri A Samad tidak akan melawan keputusan majoriti sekali pun pada peringkat awalnya beliau tidak bersetuju. Sewaktu menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka awal dekad 1970-an, Tan Sri A Samad pernah merasa terkilan dengan keputusan Menteri Pelajaran (Pendidikan) ketika itu (Tun) Hussein Onn dalam perantikan pengarah badan berkenaan. Apabila Pengarah DBP (Tun) Syed Nasir Ismail bertanding dalam pilihanraya 1969, berlaku kekosongan bagi jawatan tersebut. Tan Sri A Samad sudah mengemukakan nama Dato' Hassan Ahmad yang sudah memangku jawatan Pengarah DBP.

Bagaimanapun Hussein Onn berkeras dengan keputusan kementeriannya melantik Dato' Sujak, pegawai tadbir di jabatan lain ditukarkan memegang jawatan Pengarah DBP. Dalam perantikan jawatan Pengarah DBP adalah di bawah bidang kuasa menteri, beliau terpaksa juga menerima keputusan tersebut sekali pun terlalu pahit untuk ditelan. Justeru beliau terpaksa memujuk Dato' Hassan supaya tidak meninggalkan DBP dengan keputusan menteri, kerana tenaga pegawai seperti Dato' Hassan diperlukan dalam perjuangan bahasa Melayu sebagai Bahasa Malaysia.

Sebaliknya Tan Sri A Samad tidaklah meragui kebolehan Dato' Sujak sebagai seorang pegawai tadbir yang cekap, tetapi dalam perjuangan bahasa beliau berpendapat Dato' Hassan perlu diberikan keutamaan. Malah beliau juga pernah bertelagah dengan Tun Razak dalam isu membawa balik Ibrahim Haji Yaakob yang menetap di Jakarta. Ketika itu Tan Sri A Samad memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri, dengan menterinya Tan Sri Ghazali Shafie. Apabila ura-ura mahu membawa balik bekas pejuang nasionalis era 1930-an dan 1940-an Ibrahim Haji Yaakob dikemukakan kepada Tan Sri Ghazali, beliau sudah mendapat lampu hijau daripada menteri berkenaan.

Bagaimanapun Tun Razak meminta supaya ditangguhkan hingga sampai waktu yang sesuai, sekiranya mahu membawa balik Ibrahim Haji Yaakob. Sebelum itu Tan Sri A Samad pernah bertemu dengan salah seorang rakan seperjuangan Ibrahim Haji Yaakob yang sama-sama menetap di Jakarta iaitu Abdul Karim Rashid. Dalam pertemuan itu Karim Rashid juga berhasrat mahu balik ke tanah air sebagai seorang warga negara yang cintakan tanah airnya. Disebabkan Tun Razak tidak mahu terburu-buru membenarkan tokoh-tokoh nasionalis era 1930-an dan 1940-an balik ke tanah air, memang Tan Sri A Samad tidak senang dengan keputusan tersebut.

Tetapi sebagai ahli parti yang setia, beliau tidaklah melenting apabila berselisih pendapat dengan ketuanya. Beliau masih menaruh harapan, lambat laun mungkin Ibrahim Haji Yaakob dan Abdul Karim Rashid dapat dibawa balik ke tanah air. Sayangnya segala hasrat beliau terkubur begitu sahaja, apabila Ibrahim Haji Yaakob dan Abdul Karim Rashid meninggal dunia di Jakarta tidak lama selepas itu. Dalam masa yang sama Tan Sri A Samad juga ditemui oleh saudara mara pejuang gerila wanita terkenal Shamsiah Fakeh yang mendesaknya mengambil inisiatif membawa pejuang nasionalis itu balik ke tanah air.

Ketika itu Shamsiah Fakeh menetap di negara Republik Rakyat China setelah gagal dalam perjuangan militan bersama Parti Komunis Malaya (PKM) pimpinan Chin Peng. Disebabkan Shamsiah Fakeh berasal dari Kuala Pilah, saudara maranya yakin Tan Sri A Samad boleh menyuarakan hasrat mereka. Masalah yang dihadapi oleh Tan Sri A Samad ialah ketuanya sendiri meminta supaya usaha membawa balik bekas pejuang-pejuang nasionalis itu ditangguhkan. Apa lagi terdapat pihak tertentu yang menentang keras usaha membawa balik pejuang-pejuang terbabit ke tanah air.

Bertemu Shamsiah Fakeh

Tidak lama selepas Shamsiah Fakeh bersama keluarganya balik ke tanah air, Tan Sri A Samad menjemputnya bersarapan pagi di rumah beliau. Semasa beliau masih lagi menteri kabinet, Tan Sri A Samad meminta kerjasama penulis menemui adik Shamsiah Fakeh yang menetap di Simpang Tiga, Gombak, Haji Ramli Sutan Fakeh. Beliau menyuruh Haji Ramli menulis surat rayuan kepada kerajaan, di samping mendapatkan sokongan Ketua Umno Cawangan Ampang



Dato' Seri Dr. Rais Yatim, ketika menjadi Menteri Besar dan Tan Sri A. Samad dalam seminar kesusasteraan di Seremban bersama pengarang dari Indonesia.

Tinggi di Kuala Pilah, iaitu kampung kelahiran Shamsiah Fakeh. Tetapi Haji Ramli sudah berputus asa, kerana surat menyurat sebelumnya tidak mendapat layanan.

Kekecewaan Haji Ramli untuk membawa kakaknya balik ke tanah air ini, penulis sampaikan kepada Tan Sri A Samad. Bagaimana pun beliau masih mengharapakan saudara mara Shamsiah Fakeh di negara ini akan terus berusaha. Hinggalah kepada peristiwa pihak PKM bersedia membubarkan partinya, di samping menerima syarat-syarat perdamaian yang ditawarkan oleh kerajaan di bawah era Dato' Seri Dr Mahathir. Rundingan di selatan Thailand antara pegawai-pegawai keselamatan negara dengan PKM yang diketuai Chin Peng dan Rashid Maidin, akhirnya menamatkan segala ancaman yang ditimbulkan oleh pihak militan PKM.

Selepas termetriai perjanjian damai inilah Shamsiah Fakeh balik semula ke tanah air bersama suami dan anak-anaknya. Dalam masa beberapa bulan sahaja Shamsiah Fakeh balik itulah, Tan Sri A Samad mempelawanya bersarapan pagi di rumah beliau. Penulis juga diminta hadir sama apabila Tan Sri A Samad menelefon kira-kira jam 7.30 pagi hari berkenaan memberitahu mengenai pertemuan dengan Shamsiah Fakeh. Sewaktu penulis sampai kira-kira jam 8.30 pagi Shamsiah Fakeh sudah datang bersama suaminya (Pak Ibrahim) dan anak saudaranya (anak Haji Ramli).

Pertemuan hampir dua jam itu banyak menyingkap pengalaman Shamsiah Fakeh dalam perjuangan gerilanya setelah masuk ke hutan sejak 1948. Kerajaan Inggeris mengisytiharkan darurat ke seluruh Tanah Melayu tahun 1948 itu, di samping mengharamkan pertubuhan politik berhaluan kiri termasuk AWAS yang dipimpin oleh Shamsiah Fakeh. Mereka juga menangkap pemimpin-pemimpin nasionalis Melayu termasuk Dr Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Ahmad Boestamam, Rashid Maidin, Abu Bakar al-Baqir dan ramai lagi yang dianggap mengancam keselamatan.

Ketika Inggeris melancarkan gerakan menangkap pemimpin-pemimpin nasionalis Melayu, Tan Sri A Samad juga menerima bahangnya. Rumah beliau di Seri Menanti ikut di serbu polis pada 30 Jun 1948 iaitu dua minggu selepas darurat diisytiharkan. Kebetulan pula semasa anggota-anggota polis datang, beliau sekeluarga sedang bersiap-siap untuk berbuka puasa. Malah anak sulungnya Nuraini masih lagi kecil (di dalam hari) apabila dua orang anggota polis

Melayu Inspektor Md Noor dan Sarjan Kassim naik ke rumah dengan tidak membuka kasut. Sikap biadap dua orang anggota polis Melayu tidak menghormati adat resam bangsa Melayu ini memberi kesan mendalam di hatinya.

Setelah rumahnya digeledah, Tan Sri A Samad dibawa ke balai polis di Kuala Pilah bersama OCPD (Ketua Polis Daerah) berbangsa Inggeris yang menunggu di persimpangan masuk ke rumahnya (kerana melalui titian kecil yang menyebabkan *land rover* polis tidak dapat memasukinya). Bagaimanapun Tan Sri A Samad dibebaskan, kerana tidak ada bukti beliau boleh dikaitkan dengan gerakan berhaluan kiri. Selepas beberapa tahun berlalu, Tan Sri A Samad mendapat tahu penangkapan beliau adalah disebabkan fitnah beberapa orang kerabat diraja yang membuat laporan polis terbabit dalam gerakan kiri; justeru perlu ditangkap semasa pengisytiharan darurat dibuat.

Dendam kerabat diraja terhadap beliau masih tidak luput daripada jiwa mereka sekali pun sama-sama menjadi ahli Umno di Seri Menanti. Kemarahan kerabat diraja pula hanya sekadar melepaskan geram di belakang beliau sahaja, kerana secara berhadapan mereka bimbang dengan datuk saudara Tan Sri A Samad yang dipanggilnya 'Aki Mail'. Memang Aki Mail pernah memberi amaran kepada kerabat diraja terbabit supaya tidak mengganggu Tan Sri A Samad. Sekiranya mereka mencederakan Tan Sri A Samad, sudah tentu Aki Mail akan bertindak balas. Bagi mereka di Seri Menanti termasuk juga kerabat diraja terbabit, memang mereka tidak berani berhadapan dengan Aki Mail ini.

Kekuatan luar biasa Aki Mail sudah diketahui oleh penduduk-penduduk di Seri Menanti ketika itu terutama apabila musim 'membantai' Hari Raya atau permulaan puasa. Semasa menyambut Hari Raya atau permulaan puasa, penduduk-penduduk kampung mengadakan upacara 'membantai' iaitu menyembelih kerbau atau lembu. Apabila menyembelih kerbau atau lembu ini, Aki Mail tidak perlu mengikat kaki haiwan berkenaan sebaliknya beliau akan memegang keempat-empat kakinya. Ketika itulah mereka yang bertugas menyembelih semasa upacara 'membantai' itu dengan mudah sahaja melakukan, setelah keempat-empat kaki haiwan tersebut dipegang oleh Aki Mail.

Justeru kejadian yang menimpa dirinya apabila rumahnya digeledah polis itulah amat memberi kesan kepada Tan Sri A Samad mengenai sumbangan pejuang-pejuang berhaluan kiri termasuk Shamsiah Fakeh yang berjuang secara gerila di hutan-hutan. Selepas lebih 50 tahun kejadian rumahnya digeledah polis pada tahun 1948, barulah beliau dapat bertemu muka dengan Shamsiah Fakeh apabila menjemput tokoh gerila Melayu itu bersarapan pagi bersama di rumahnya. Dalam pertemuan itu Shamsiah Fakeh (penulis memanggilnya Ibu) dan suaminya Pak Ibrahim (Ibrahim Ahmad) tidak keberatan memberitahu pengalaman mereka semasa di hutan.

Shamsiah yang dilahirkan tahun 1925 itu rupa-rupanya lebih muda usianya dua tahun daripada Tan Sri A Samad yang dilahirkan dalam tahun 1923. Pada mulanya Tan Sri A Samad menyangka Shamsiah lebih tua daripadanya, memandangkan semangat perjuangan yang kental seorang wanita hanya berusia 23 tahun sahaja sewaktu masuk ke hutan. Malah Shamsiah mengesat pelupuk matanya apabila menceritakan semula detik-detik bayinya ditemui mati terapung di dalam sungai sewaktu darurat sedang memuncak. Beliau dituduh membuang bayi tersebut semata-mata terpengaruh dengan ideologi komunis.

Tan Sri A Samad sendiri terharu apabila diberitahu mengenai kesengsaraan yang dilalui Shamsiah semasa di hutan Mentakab ketika operasi dilancarkan oleh pihak pasukan keselamatan. Beliau yang baru sahaja melahirkan anak terpaksa memberi bayinya minum air hujan sahaja akibat tidak bersusu, ketika melarikan diri akibat serangan bom dari udara di sekitar kawasan hutan persembunyian mereka. Suaminya ketika itu Wahi Anuar dapat ditawan oleh pasukan keselamatan setelah cedera parah di paha akibat terkena serpihan bom (bagaimanapun mengikut propaganda Inggeris, Wahi Anuar dikatakan menyerah diri).

Dalam keadaan simpang perintang melarikan diri, Shamsiah tersesat hingga ke tepi jalan besar Mentakab. Mujurlah bayi yang dikendongnya tidak menangis sepanjang beliau melarikan diri di dalam hujan turun mencurah-curah. Ketika sampai di tepi jalan besar, memang hati Shamsiah mula berbelah bahagi sama ada mahu menyerah diri atau teruskan perjuangan menentang penjajah. Setelah lama berfikir untuk membuat keputusan, akhirnya Shamsiah masuk semula ke hutan bagi meneruskan perjuangan. Sebaik sahaja masuk ke kawasan hutan beliau terserempak dengan dua orang anggota PKM berketurunan Cina.

Anggota PKM itu (seorang wanita dan seorang lelaki) tidak terus membawanya masuk ke kem kerana masih mencurigai dirinya, tetapi ditinggalkan jauh dari kawasan kem bagi memastikan Shamsiah bukan perangkap pihak pasukan keselamatan. Setelah yakin tidak dijadikan sebagai perangkap, barulah Shamsiah dibawa menemui komander di kem di situ. Tiga hari selepas berada di kem berkenaan, dua anggota PKM yang membawanya ke situ dikatakan pergi ke Terengganu melalui Jerantut bagi menguruskan keluarga yang sanggup memelihara bayi Shamsiah.

Mereka berdua memberitahu Shamsiah, satu keluarga Melayu yang menjadi kenalan rapat seorang anggota PKM bersetuju memelihara bayi berkenaan sekiranya Shamsiah mahu meneruskan perjuangan di hutan. Dalam keadaan terdesak Shamsiah rela berpisah dengan bayinya demi perjuangan menuntut kemerdekaan. Bagaimanapun sebulan selepas berpisah, rakannya Musa Ahmad (bekas Pengerusi PKM) menemuinya memberitahu apa yang berlaku sebenarnya. Bayi kesayangan Shamsiah dicampakkan oleh dua anggota PKM itu ke dalam sungai di Mentakab, sehingga ditemui oleh pasukan keselamatan.

Berikutan dengan penemuan bayi yang disahkan anak Shamsiah Fakeh, tersebarlah propaganda Inggeris mendakwa beliau tergamak mencampakkan bayi sendiri ke dalam sungai kerana dipengaruhi ideologi komunis. Masyarakat mengutuk Shamsiah sebagai seorang ibu yang kejam hingga tergamak membunuh bayi sendiri dengan mencampakkan ke dalam arus sungai yang deras. Di samping kisah sedih yang dilaluinya, Shamsiah juga tidak dapat melupakan beberapa kejadian lucu. Antaranya termasuk tugas yang diberikannya untuk memasak, ketika bekalan makanan sudah kehabisan.

Mereka telah membawa balik ubi gadung untuk dimasak oleh Shamsiah. Sekali pun Shamsiah memberitahu ubi berkenaan tidak boleh dimakan, tetapi mereka berkeras juga menyuruhnya merebus untuk dijadikan makanan. Setelah siap direbus mereka berebut-rebut untuk memakan ubi gadung tersebut, sedangkan Shamsiah menyedari risikonya. Disebabkan mereka tidak mahu mendengar nasihat Shamsiah, akibatnya semua anggota kem berkenaan mati setelah keracunan memakan ubi gadung. Apabila tinggal berseorangan di kem tersebut, Shamsiah terpaksa berpindah pula menyertai kem yang lain.

Tan Sri A Samad berminat untuk merakamkan kisah perjuangan Shamsiah Faekh ini sebagai pejuang nasionalis Melayu yang sanggup

berjuang secara militan di hutan. Ketika menghantar Shamsiah bersama keluarganya balik hingga ke pintu pagar, penulis melihat Tan Sri A Samad menyeluk poket lantas menggengam wang dihulurkan kepada bekas pejuang nasionalis itu. Malah penulis melihat beliau sukar menuturkan kata-kata akibat terharu dengan pengalaman yang dilalui Shamsiah sebagai seorang pejuang yang menuntut kemerdekaan menerusi cara dan haluannya sendiri.

Langkah Sama Menapak

Bukan sahaja perjuangan Shamsiah Fakeh sentiasa dihargai oleh Tan Sri A Samad, malah setiap pejuang kemerdekaan tetap dianggap memberi sumbangan kepada negara. Tidak kira pejuang itu berjaya mencapai kejayaan atau sebaliknya, sama ada berjuang bersama Umno atau di luar Umno, malah memusuhi atau menjadi kawannya, semua adalah rakan seperjuangannya belaka. Mereka berbeza pendapat dalam pendekatan menuntut kemerdekaan, tetapi matlamat tetap sama '*kok langkah sama menapak, kok lenggang sama diayun*'. Sumbangan setiap warga itu diibaratkan:

*Kok buta penghembus lesung
Kok pekak pembakar meriam
Kok capik penghalau ayam
Kok bodoh disuruh arah
Kok cerdik teman berunding
Kok alim minta doanya.*

Tan Sri A Samad pernah mengajak penulis ke Jenderam awal tahun 1985 semata-mata menemui bekas gerila Melayu, Abu Bakar Jali (Pak Bakar). Jenderam terletak di antara Kajang menuju ke Dengkil, merupakan kawasan hitam yang dianggap oleh Inggeris sarang komunis hingga penduduk-penduduknya menjadi mangsa kekejaman penjajah dalam tahun 1950-an. Kampung halaman dibakar, tanaman dan ternakan penduduk dimusnahkan semata-mata Inggeris mahu menangkap Abu Bakar bin Jali, yang didakwa sebagai 'musuh nombor satu' mereka yang mesti dihapuskan sama ada hidup atau pun mati.

Jenderam mempunyai sejarahnya tersendiri yang menarik perhatian Tan Sri A Samad mengenai kebangkitan awal nasionalisma

di Tanah Melayu. Kebetulan pula dramatis TV Baharuddin Haji Omar mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Pak Bakar, justeru beliau yang mengaturkan pertemuan Tan Sri A Samad dan penulis dalam kunjungan ke Jenderam itu. Tan Sri A Samad yang memberitahu penulis mengenai Pak Bakar pernah terbabit dalam perjuangan gerila di hutan, tetapi menjadi gerila Melayu pertama yang menyerah diri kepada kerajaan Inggeris. Selepas menyerah diri Pak Bakar ditawarkan berkhidmat dalam jabatan penerangan di Seremban.

Ketika berkhidmat di jabatan penerangan inilah Tan Sri A Samad mengenali Pak Bakar secara dekat. Pak Bakar juga dikenali oleh penduduk-penduduk kampung boleh menyelam berjam-jam di dalam air sewaktu diburu oleh pasukan keselamatan. Akibat tidak dapat menangkap Pak Bakar inilah Inggeris bertindak membakar kampung berkenaan, memberkas penduduk-penduduk di situ sama ada lelaki, wanita, orang tua dan kanak-kanak, di samping memusnahkan tanaman dan ternakan. Laporan pertemuan dengan Pak Bakar itu penulis titipkan dalam Berita Minggu, 3 Februari 1985:

"...Peristiwa Jenderam dalam tahun 1951 adalah satu gambaran jelas bagaimana kebenaran fakta sejarah mahu dihapuskan. Jenderam yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Kajang menuju ke arah Sepang adalah pusat pengajian pondok sekitar pertengahan tahun 20-an. Pengajian pondok di situ sudah pun bermula sejak 1915 lagi, tetapi tidaklah begitu pesat. Malah Leftenan No 90 Adnan Saidi yang menjadi legenda perjuangan Askar Melayu menentang Jepun pernah menjadi penuntut agama pengajian pondok di Jenderam ini.

"Dalam tahun 1906 sekumpulan orang-orang Minangkabau yang menetap di Beranang telah meneroka perkampungan baru di Jenderam ini. Bermula daripada dua tiga keluarga, sehingga tahun 1910 penduduk Jenderam semakin bertambah hingga hampir 100 keluarga. Setelah peneroka-peneroka bertambah ramai, dicadangkan supaya didirikan masjid. Kemudiannya di kawasan masjid inilah dibina madrasah bagi membolehkan anak-anak muda mendalami pengajian agama.

"Disebabkan penduduknya berasal daripada keturunan Minangkabau, tidak hairanlah mereka menjemput ramai ulama dari Sumatera memberikan ceramah di madrasah itu, di samping

terdapatnya guru-guru agama yang mengajar tetap di situ. Kedatangan ulama-ulama ini membawa pengertian baru kepada peneroka-peneroka. Mereka disogokkan dengan semangat kemerdekaan yang meluap-luap dari Indonesia. Apabila Belanda menjalankan gerakan menangkap pemimpin-pemimpin kemerdekaan Indonesia dalam tahun 1920-an, kebanyakan mereka ini diberi perlindungan oleh orang-orang Jenderam..."

Perjuangan penduduk-penduduk di Jenderam inilah yang menarik perhatian Tan Sri A Samad, hingga mendorong beliau meminta Baharuddin Haji Omar mengaturkan pertemuan dengan Pak Bakar. Sekali pun tidak lagi menjadi menteri kabinet, tetapi Tan Sri A Samad tetap sibuk dengan jawatannya ketika itu sebagai Pengerusi Bank Pembangunan, Pengerusi Finas dan Pengerusi Kraftangan Malaysia. Dalam kesibukan tugasnya, Tan Sri A Samad tetap meluangkan masa untuk membuat kajian sendiri mengenai pejuang-pejuang nasionalis berhaluan kiri yang dipinggirkan dalam penulisan sejarah.

Pak Bakar mengakui beliau terpaksa terjun ke dalam lombong besar sewaktu pasukan keselamatan memburunya. Sepanjang malam pasukan keselamatan mengepung kawasan lombong besar itu, Pak Bakar terpaksa bersembunyi di bawah sebatang pokok kayu yang melintang ke dalam air. Sekali pun pihak pasukan keselamatan meniti di atas pokok kayu melintang ke tengah air berkenaan, namun mereka tidak menyedari Pak Bakar berlindung di situ. Setelah tiga hari kawasan lombong besar tersebut dikepung, pihak Inggeris membuat kesimpulan menganggap Pak Bakar sudah mati lemas di situ.

Peristiwa yang berlaku dalam tahun 1948 itu, kembali menimbulkan kemarahan Inggeris apabila mereka mendapat tahu Pak Bakar masih hidup, di samping terbabit dalam gerakan militan di hutan Jenderam hingga ke Gunung Payung di Hulu Langat. Justeru dalam tahun 1951 itu Inggeris mengambil tindakan secara kejam ke atas penduduk-penduduk Jenderam yang dituduh melindungi Pak Bakar. Dalam rencana di BH itu seterusnya penulis menyatakan:

"...Mereka tidak gentar membawa masuk ulama-ulama dari Sumatera. Ulama-ulama ini secara terus terang mengajak pelajar-pelajar pondok bertindak radikal dalam merebut kemerdekaan. Tetapi apabila kedatangan tokoh-tokoh nasionalisma tertumpu ke

Jenderam, pihak Inggeris mula mengambil perhatian berat. Dari sinilah bermulanya tindakan tokoh-tokoh dari Indonesia itu mengalihkan perhatian mereka ke MPSI di awal tahun 1930-an itu.

“Dalam hubungan ini tugas Syeikh Tahir Jalaluddin dan pusat pengajian pondok di Jenderam adalah penting apabila kita mengaitkan kebangkitan nasionalisma Melayu di MPSI. Adalah jelas gerakan di MPSI itu merupakan gerakan yang bermula di Jenderam sendiri. Seinggalah ke zaman pemerintahan Jepun 1942-45, hubungan gerakan nasionalisma di Jenderam dengan tokoh-tokoh PKMM di Semenanjung Tanah Melayu adalah rapat. Apabila darurat diisytiharkan dalam bulan Jun 1948, Jenderam juga tidak terlepas daripada perhatian Inggeris.

“Kemuncak tekanan Inggeris ke atas Jenderam berlaku dalam tahun 1951, apabila semua penduduk Jenderam ditangkap, kemudiannya dibuang daerah ke Muar, Johor. Jenderam dibakar hangus menjadi padang jarak padang tekukur. Dalam satu kenyataan selepas peristiwa itu, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu ketika itu Jeneral Gerald Templer dengan nada marah memberitahu: Jenderam mesti dihapuskan dari peta dunia...”

Kenyataan Gerald Templer yang mahukan peta Jenderam dihapuskan, memang diakui sendiri oleh Tan Sri A Samad disebabkan sewaktu isu tersebut berlaku beliau sudah pun berkhidmat sebagai pemberita Utusan Melayu di Negeri Sembilan. Dalam masa negara dijajah memang suara anak-anak bangsa tidak didengar sesiapa, sekali pun penangkapan ke atas orang-orang tua berusia lebih 60 tahun, wanita-wanita dan kanak-kanak merupakan kekejaman yang dahsyat. Penduduk-penduduk terbabit dapat balik semula ke Jenderam selepas tahun 1957, apabila mereka membuat rayuan kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman setelah negara mencapai kemerdekaan.

Peristiwa kekejaman Inggeris terhadap penduduk-penduduk Jenderam ini sengaja tidak ditimbulkan oleh pihak media di zaman penjajah, tetapi Tan Sri A Samad sebagai seorang wartawan tetap menyimpan hasrat untuk menulis semula kekejaman penjajah ini. Dalam usaha membuat kajian mengenai kekejaman yang dilakukan penjajah ke atas mereka yang tidak berdosa ini, Tan Sri A Samad

sengaja mengajak penulis ikut sama menemui Pak Bakar dan beberapa orang lagi penduduk-penduduk yang terbabit dalam perbuatan kejam Inggeris dalam tahun 1951 itu.

Gerila Melayu di Negeri Sembilan

Memang Tan Sri A Samad menghargai pejuang-pejuang nasionalisma berhaluan kiri yang ikut sama memberikan sumbangan kepada kemerdekaan tanah air. Beliau berhasrat mahu mengumpulkan bahan-bahan penulisan sebagai catatan peribadi, sekiranya tidak dapat diterbitkan menjadi buku. Ketika menjadi wartawan Utusan Melayu di Negeri Sembilan, beliau sering dipelawa oleh Penasihat British (BA) Negeri Sembilan, Mubin Shephard (Tan Sri, Allahyarham) ikut sama membuat liputan berita dalam beberapa kejadian serang hendap pengganas komunis di hutan Bahau, Air Hitam dan Jelebu.

Nama beberapa tokoh gerila Melayu yang terbabit di Negeri Sembilan seperti Ibrahim Baba dan Zaiton, sering menjadi bahan berita kepada beliau. Bagaimana pun selepas gerila Melayu ini menyerah diri, Tan Sri A Samad sudah pun menjadi Exco dalam pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan yang membataskan hubungan mereka. Malah Ibrahim Baba sendiri bertanding dalam pilihanraya 1964 di kawasan DUN Lenggeng atas tiket Sosialis Front (SF) menentang calon Umno, Penghulu Zainal (Dato' Zainal Abidin bin Lati).

Dalam kajian yang dibuat oleh Tan Sri A Samad, pembabitan orang Melayu menerusi gerakan berhaluan kiri di Negeri Sembilan sudah bermula sejak sebelum kedatangan Jepun. Mereka terbabit dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) seperti (Dato') Yusuff Badin, Zaid Karim, Jaafar Sidek, Jaafar Talib, Hamid Naran, Abu Bakar Yunus, Abu Bakar Arshad, Janor Taha, Shamsuddin Salleh dan ramai lagi kalangan guru-guru Melayu. Disebabkan ketika itu beliau masih belajar di sekolah Inggeris swasta di Kuala Lumpur, Tan Sri A Samad tidaklah terbabit dalam gerakan berhaluan kiri ini.

Semasa pendudukan Jepun, Tan Sri A Samad mendapat tahu gerakan anti Jepun ikut mendapat bantuan dari Istana Seri Menanti. Penduduk-penduduk di Seri Menanti menandakan menyedari apabila generator dipasang di istana, memang Yang diPertuan Besar Tuanku Abdul Rahman sedang menggunakan radio untuk berurusan dengan pihak anti Jepun di hutan-hutan sekitar Kuala Pilah. Malah baginda

sendiri mengarahkan salah seorang kerabat diraja dikenali sebagai Engku Tunggal (Tunku Abdul Rahim bin Tunku Muda Chik) menunggu anggota pasukan Force 136 yang berpangkalan di India turun di kawasan hutan Langkap berhampiran Kampung Talang di Tanjung Ipoh.

Pembabitan Tuanku Abdul Rahman dalam gerakan anti Jepun ini memang tidak pernah diketahui oleh mana-mana pengkaji sejarah, tetapi Tan Sri A Samad mendapat sumber tersebut melalui pergaulannya dengan beberapa orang kerabat diraja termasuk juga Tunku Besar Burhanuddin. Sekali pun beliau tidak disenangi oleh Tunku Besar Burhanuddin akibat tohmahan kerabat diraja di sekelilingnya yang mendakwa Tan Sri A Samad anti istana, tetapi hubungan beliau dengan Tunku Besar Burhanuddin tetap terjalin baik. Tunku Besar Burhanuddin banyak membantu beliau mengumpulkan bahan-bahan penulisan yang amat bermanfaat.

Antara bahan sejarah yang dapat dikumpulan oleh Tan Sri A Samad menerusi sumber Tunku Besar Burhanuddin ini termasuklah kedatangan Raja Melewar menaiki takhta di Seri Menanti, peranan utusan menjemput raja ke Pagarruyung dikenali Panglima Sutan Karu, Panglima Bandan dan Panglima Bandut, malah pembabitan Dato' Siamang Gagap dalam peperangan menentang Inggeris di Bukit Putus. Di samping itu Tunku Besar Burhanuddin juga yang memberikan sumber pembabitan Tuanku Abdul Rahman membantu pasukan Force 136 mendarat di hutan Langkap dalam bulan Mei 1945.

Salah seorang anak kelahiran Kuala Pilah yang berjuang dalam pasukan Force 136 ini dikenali sebagai Razak berasal dari Gunung Pasir. Razak berjuang secara gerila di hutan sebaik sahaja turun menggunakan payung terjun di hutan negeri Kedah. Bagaimana pun perjuangan Razak tidak mendapat perhatian pengkaji-pengkaji sejarah, sekali pun beliau mendapat latihan di India di bawah pengawasan tentera British. Hasrat untuk menghasilkan kisah perjuangan gerila Melayu ini tetap bersemarak di jiwa Tan Sri A Samad, tetapi masih belum berkesempatan hingga sekarang.

“Pejuang-pejuang ini akan dilupakan kalau tidak ada catatan dibuat, *kerana gemuk berpupuk segar bersiram*, kalau generasi sekarang tidak memupuk baja dan menyiramkan air, siapa lagi yang boleh diharapkan?” tutur Tan Sri A Samad apabila mengenang kisah perjuangan nasionalis Melayu ini semakin terpinggir. Pengkaji-pengkaji

sejarah pula hanya mengambil jalan mudah dengan membuat rujukan kepada bahan-bahan tulisan yang pernah dikumpulkan oleh orientalis barat, sehingga hasil penulisan mereka mencerminkan gaya dan pemikiran penjajah.

Seringkali penulis mendengar beliau menyebut-nyebut nama pejuang-pejuang berhaluan kiri ketika sama-sama di dalam kereta berulang alik ke Seremban dalam urusan muzium di Negeri Sembilan. Malah kadangkala beliau bertanya sama ada mereka masih hidup atau sudah meninggal dunia, walhal sudah diberitahu kepadanya mereka yang terbabit sudah lama meninggal dunia seperti Ismail Tamin, Haji Tahir Abdul Rahman, Muhd Shariff Fakeh dan beberapa orang lagi. Mereka adalah pejuang-pejuang nasionalis di Negeri Sembilan yang berbeza pendapat dengan beliau semasa hayatnya.

“Mereka semua orang yang berjasa kepada perjuangan kemerdekaan, tapi apa boleh buat mereka tidak berjaya melalui pendekatan yang dilakukannya,” tutur Tan Sri A Samad mengakui sumbangan mereka sebagai pejuang nasionalis. Justeru setiap kali menyambut Hari Kemerdekaan/Kebangsaan pada 31 Ogos, Tan Sri A Samad seringkali menelefon penulis supaya datang ke pejabatnya di Finas, apabila ada pihak wartawan membuat temu janji untuk wawancara. Memang beliau suka penulis mencelah ketika wartawan membuat wawancara mengenai perjuangan menuntut kemerdekaan.